

# A.I. untuk Kebaikan Sosial

Hari ini, dunia menghadapi banyak cabaran besar.



**Bulatkan isu di atas yang paling membimbangkan anda.**

**Data** boleh membantu kita memahami cabaran rumit ini dengan lebih baik.

Dan **Kecerdasan Buatan (A.I.)** boleh memproses jumlah data yang amat besar dalam mili saat.

**A.I.** membolehkan kita menganalisis dan memberi respons kepada data dalam masa sebenar untuk membantu manusia dan planet kita.


Mari kita lihat cara kita boleh menggunakan **A.I. untuk Kebaikan Sosial.**

Oh tidak! **Bandar Kita** baru saja dilanda ribut.

Orang ramai perlukan bantuan!  
Tetapi jangan risau.

Mujurlah, kita ada rancangan untuk mendapatkan sukarelawan dan bekalan kepada orang yang memerlukannya.



1 Hantar sebuah trak  ke sekolah kerana sekolah amat penting.

2 Hantar sebuah trak  ke taman kerana ia berada di tengah bandar.

# A.I. untuk Kebaikan Sosial

Mari kita lihat rancangan kita pada peta bandar di bawah.

Tetapi tunggu!

Data ini baru tiba:

Perkhidmatan Cuaca **BANJIR DILAPORKAN**  
Kata Kunci = **BANJIR**

A-1

B-1

C-1

Perkhidmatan Cuaca **AMARAN ANGIN KENCANG**  
Kata Kunci = **ANGIN**


B-1

B-2


C-1

Tuliskan kata kunci **BANJIR** dalam kuadran A-1, B-1 dan C-1 pada peta.

Tuliskan kata kunci **ANGIN** dalam kuadran B-1, B-2 dan C-1 pada peta.



Adakah rancangan anda akan berfungsi? Tuliskan idea anda di sini.



# A.I. untuk Kebaikan Sosial

Kini kita dapat lihat rancangan asal kita tidak berkesan.  
 Terdapat banjir di sekolah dan angin kencang di taman.  
 Ini bukan tempat yang baik untuk menghantar sumber kita.

## Pangkah trak pada peta anda.

Mari kita kumpulkan lebih banyak data untuk membuat rancangan yang lebih baik.  
 Lihat pada data yang diterima ini:

Syarikat Elektrik MELAPORKAN GANGGUAN Kata Kunci = GANGGUAN	B-2	B-3	C-3
Jabatan Pengangkutan TIADA KENDERAAN MELINTAS Kata Kunci = DISEKAT	A-1	B-3	C-2
Syarikat Telefon Mudah Alih JUMLAH PANGGILAN TINGGI Kata Kunci = PANGGILAN	A-1	A-3	C-2
Syarikat Kad Kredit AKTIVITI YANG LUAR BIASA TINGGI Kata Kunci = KAD	A-2	A-3	

## Menggunakan Kata Kunci untuk setiap set, rekodkan data baharu pada peta anda.

Sekarang, lihat pada peta anda dengan semua data yang telah diplotkan.  
 Bolehkah anda lihat:

- Di manakah terdapat kuasa? • Di manakah orang ramai membuat panggilan?
- Di manakah jalan dibuka? • Di manakah orang ramai membuat pembelian?

## Di manakah akan anda hantar sukarelawan dan bekalan anda dan mengapa?

Jika anda katakan A-3, kami setuju! Tapi tunggu dulu! Situasi berubah dengan cepat. Kita baru sahaja terima set data baharu!

Baguslah **A.I.** boleh menganalisisnya dalam sekelip mata dan membantu kita bekerja dengan lebih bijak untuk menghadapi cabaran rumit ini.

## Anda adalah Saintis Data Girls4tech!

SIJIL PENCAPAIAN

Tahniah!

ANDA SUDAH DIPERAKUI



Michael Miebach  
CEO, Mastercard

Susan Warner  
Founder, Girls4Tech